

NO. SOALAN: 126

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**RUJUKAN : 10674**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah Bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi isu ketiadaan dokumen pengenalan diri di seluruh negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa proaktif dalam memastikan pendaftaran dokumen pengenalan diri dilaksanakan dengan mudah oleh semua kaum dan lapisan masyarakat, khususnya kepada penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau golongan yang berkeperluan khas seperti orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya melalui inisiatif-inisiatif seperti mana berikut:-**

- 1. Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program Outreach);**
- 2. Perkhidmatan melalui Unit Mobile;**
- 3. Perkhidmatan melalui Bas Mobile; dan**
- 4. Pembukaan kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).**

Inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan isu dokumentasi dalam kalangan masyarakat dapat diselesaikan. Dalam hal ini, sebanyak 7,530 operasi turun padang

**telah dilaksanakan sejak dari tahun 2012 hingga 2017 dan dalam tempoh tersebut sebanyak 191,379 permohonan dapat diselesaikan.**